

**GERAKAN KRISTIANISASI MELALUI  
PENDIDIKAN: KAJIAN KES ERA DINASTI  
BROOKE (1841-1941)**



**OCTVIA REMYYAS ANAK IJU**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2022**

**GERAKAN KRISTIANISASI MELALUI  
PENDIDIKAN: KAJIAN KES ERA DINASTI  
BROOKE (1841-1941)**

**OCTVIA REMYYAS ANAK IJU**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN  
UNTUK MEMENUHI SYARAT  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA  
SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN  
DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN  
KEMANUSIAAN  
2022**

## PENGESAHAN

JUDUL : **GERAKAN KRISTIANISASI MELALUI PENDIDIKAN: KAJIAN KES ERA DINASTI BROOKE (1841-1941)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **OCTVIA REMYYAS ANAK IJU** sesi **2019-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ) :

SULIT

TERHAD

TIDAK  
TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)


(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh,



---

**OCTVIA REMYYAS ANAK IJU**  
**BA19110741**



EKO PRAYITNO JOKO  
Pensyarah Program Sejarah  
Fakulti Kemajuan, Seni dan Warisan  
Universiti Malaysia Sabah

---

**(ENCIK EKO PRAYITNO JOKO)**  
**PENYELIA**

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Gerakan Kristianisasi Melalui Pendidikan: Kajian Kes Era Dinasti Brooke (1841-1941) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



12 OGOS 2022

OCTVIA REMYYAS ANAK IJU  
BA19110741



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia utama tesis saya iaitu Encik Eko Prayitno Joko di atas panduan dan tunjuk ajar sepanjang melengkapkan tesis ini. Saya berasa bersyukur mempunyai seorang penyelia yang sentiasa memberikan cadangan dan sokongan padu. Sepanjang penyeliaan ini, beliau banyak memberikan teguran, tunjuk ajar, mencadangkan bahan-bahan yang dirujuk ketika melengkapkan tesis ini. Saya berterima kasih kepada beliau kerana seliaan dan bimbingan beliau, saya mampu menyiapkan tesis ini. Selain itu, Ucapan penghargaan yang wajar saya berikan kepada kakitangan Perpustakaan Bandaraya DBKU, Kuching dan juga kakitangan Pustaka Negeri Sarawak yang banyak membantu ketika mencari dan mendapatkan rujukan yang saya perlukan untuk melengkapkan kajian tesis saya ini. Segala budi baik dan jasa yang ditaburkan itu tetap dalam kenangan saya.

Tidak lupa juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli keluarga saya yang banyak memberi sokongan dan dorongan. Di samping itu, terima kasih kepada ahli keluarga saya kerana banyak memberi keperluan untuk saya menyiapkan tesis saya dari segi tenaga dan juga wang ringgit ketika dalam proses menyiapkan tesis saya ini. Oleh hal demikian, sokongan serta dorongan inilah meransang saya untuk terus berusaha menyiapkan tesis saya tanpa putus asa. Di samping itu, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan saya iaitu Margaret Landan Anak Lumpoh, Agnesia Ejah Anak Chundie, Marita Genta Anak Munol, Dominic Junit Anak Augustine Kuas, Jereny Dolla Anak Pilut, Healvader Septpraise Anak Rayang, Muhammad Aqil Aziz bin Tuah, Nurul Liyana Farahani dan juga Nurlailah binti Khairudin kerana membantu dan membimbing saya membuat tesis saya ini. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada diri sendiri percaya mampu menyiapkan tesis ini dan berusaha dari permulaan hingga penamatnya.

## **ABSTRAK**

Kajian ini mengkaji tentang gerakan Kristianisasi melalui pendidikan: kajian kes era dinasti Brooke (1841-1941). Umum mengetahui bahawa pengkristianan adalah sebahagian daripada penjajahan. Hal ini demikian kerana, kedatangan penjajahan bukan sahaja bermotifkan ekonomi dan politik, tetapi lebih penting menyebarkan agama Kristian. Dalam menjalankan usaha penyebaran, pendekatan pendidikan yang paling berkesan untuk mubaligh Kristian menyebarkan nilai-nilai agama Kristian dan menukar agama masyarakat tempatan. Pada era dinasti Brooke, matlamat pendidikan selama seratus tahun dari tahun 1841 hingga 1941 tidak dinyatakan dengan jelas. Keadaan ini disebabkan, era dinasti Brooke banyak meluangkan masa pemerintahan untuk menjaga kestabilan politik demi kepentingan untuk menepoli ekonomi Sarawak. Maka, tanggungjawab pendidikan telah diserahkan bulat-bulat kepada pertubuhan Kristian untuk menyediakan kemudahan pendidikan kepada masyarakat tempatan di Sarawak. Bagi pertubuhan Kristian pula mereka mengharapkan agama Kristian dapat disebarkan melalui pendidikan. Semua misionari Kristian, tanpa mengira denominasi mereka, menganggap kerja pendidikan mereka sebagai cara untuk mendapatkan pemeluk agama mereka. Satu unsur unik mengenai sekolah mubaligh ini ialah tumpuan khas di bahagian-bahagian tertentu sahaja bagi sesuatu pertubuhan. Dalam usaha menjalankan proses Kristianisasi, pertubuhan Kristian telah meletakkan sekolah mubaligh sebagai batu asas kepada sebuah sistem pendidikan ala Barat. Terdapat beberapa objektif telah digariskan dalam kajian ini (i) menelusuri gerakan Kristianisasi dijalankan oleh dinasti Brooke di Sarawak, (ii) menjelaskan sekolah mubaligh mengikut mazhab berkembang di Sarawak, dan (iii) membahaskan matlamat gerakan Kristianisasi dan raksi masyarakatnya. Dalam usaha merealisasikan matlamat terbabit, kajian ini menggunakan metode pengumpulan data seperti analisis sumber primer dan juga analisis sumber primer. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa proses Kristianisasi yang berlaku di Sarawak semasa era dinasti Brooke.

Kata kunci: Sarawak, mubaligh, sekolah, Kristian, Brooke

## **ABSTRACT**

*This study examines the Christianization movement through education: a case study of the Brooke dynasty era (1841-1941). It is well known that Christianity is part of colonialism. This is because, the arrival of colonialism was not only motivated by economics and politics, but more importantly spread Christianity. In conducting outreach efforts, the most effective educational approach for Christian missionaries is to spread Christian values and convert local communities. In the era of the Brooke dynasty, the goals of education for a hundred years from 1841 to 1941 were not clearly stated. This situation is due to the Brooke dynasty era spending a lot of time in government to maintain political stability for the sake of monopolizing Sarawak's economy. Therefore, the responsibility of education has been fully handed over to Christian organizations to provide educational facilities to the local community in Sarawak. Christian organizations, they hope that Christianity can be spread through education. All Christian missionaries, regardless of their denomination, regard their educational work as a means of gaining converts. A unique element about this missionary school is the special focus on only certain parts of an organization. In an effort to carry out the Christianization process, Christian organizations have placed missionary schools as the cornerstone of a Western-style education system. There are several objectives outlined in this study (i) tracing the Christianization movement carried out by the Brooke dynasty in Sarawak, (ii) explaining the missionary school according to the sect developed in Sarawak, and (iii) debating the goals of the Christianization movement and its community reaction. In an effort to realize the goals involved, this study uses data collection methods such as primary source analysis and primary source analysis. Overall, this study shows that the Christianization process that took place in Sarawak during the era of the Brooke dynasty.*

*Keywords: Sarawak, missionary, school, Christian, Brooke*

# ISI KANDUNGAN

	<b>MUKA SURAT</b>
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGESAHAN</b>	ii
<b>PENGAKUAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRAK</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI PETA</b>	x
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	1
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Sorotan Literatur	4
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Skop Kajian	12
1.7 Metodologi Kajian	13
1.8 Pembahagian Bab	15
1.9 Kesimpulan	16
<b>BAB 2 GERAKAN KRISTIANISASI ERA DINASTI BROOKE</b>	
2.1 Pengenalan	17
2.2 Imperialisme dan Gerakan Kristianisasi	17
2.3 Penguasaan Brooke di Sarawak	20
2.4 Dinasti Brooke dan Penyebaran Kristian di Sarawak	24
2.4.1 Gerakan Kristianisasi Era James Brooke	25
2.4.2 Gerakan Kristianisasi Era Charles Brooke	32



2.4.3	Gerakan Kristianisasi Era Vyner Brooke	36
2.5	Kesimpulan	40
<b>BAB 3 PERKEMBANGAN SEKOLAH MUBALIGH KRISTIAN</b>		
3.1	Pengenalan	41
3.2	Dasar Pendidikan Era Dinasti Brooke	41
3.2.1	Dasar Pendidikan James Brooke	41
3.2.2	Dasar Pendidikan Charles Brooke	47
3.2.3	Dasar Pendidikan Charles Vyner Brooke	51
3.3	Perkembangan Sekolah Mubaligh Kristian Mengikut Mazhab	54
3.3.1	Sekolah Mubaligh Kelolaan Gereja Anglikan	54
3.3.2	Sekolah Mubaligh Kelolaan Gereja Roman Katolik	57
3.3.3	Sekolah Mubaligh Kelolaan Gereja Methodist	60
3.3.4	Sekolah-Sekolah Mubaligh Yang Lain	62
3.4	Ciri-Ciri Sekolah Mubaligh Kristian	65
3.4.1	Bahasa Pengantar	65
3.4.2	Kurikulum	67
3.4.3	Pembiayaan Kewangan	68
3.5	Kesimpulan	71
<b>BAB 4 MATLAMAT DAN KESAN PENDIDIKAN MUBALIGH SERTA REAKSI MSYARAKAT TEMPATAN DI SARAWAK</b>		
4.1	Pengenalan	72
4.2	Matlamat Pendidikan Mubaligh Terhadap Masyarakat Tempatan di Sarawak	72
4.2.1	Kestabilan Politik Sarawak	72
4.2.2	Memperkembangkan Agama Kristian	74
4.2.3	Melemahkan Agama Islam	75
4.3	Reaksi Masyarakat Tempatan Sarawak Terhadap Pendidikan Mubaligh Kristian	77
4.3.1	Masyarakat Melayu	78
4.3.2	Masyarakat Iban	83
4.3.3	Masyarakat Bidayuh	88
4.3.4	Masyarakat Cina	90

4.4	Kesan Pendidikan Mubaligh Terhadap Sosioekonomi Masyarakat Tempatan di Sarawak.	92
4.4.1	Membantu Perkembangan Peranan Pendidikan	92
4.4.2	Mengurangkan Kadar Buta Huruf	94
4.4.3	Sumber Perolehan Kakitangan Awam	95
4.4.4	Perubahan Pekerjaan Masyarakat Dayak	97
4.4.5	Kesedaran Politik dalam Kalangan Masyarakat Tempatan	98
4.5	Kesimpulan	101
<b>BAB 5</b>	<b>RUMUSAN</b>	<b>102</b>
	<b>RUJUKAN</b>	<b>108</b>
	<b>LAMPIRAN A</b>	<b>114</b>



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI PETA

	<b>MUKA SURAT</b>
Peta 2.1 Peta Bahagian Pertama & Bahagian Kedua Sarawak	29
Peta 2.2 Peta Bahagian Ketiga Sarawak	33
Peta 2.3 Peta Bahagian Keempat Sarawak	37
Peta 2.4 Peta Bahagian Kelima Sarawak	39

## SENARAI JADUAL

	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 3.1 Jadual Bilangan Pelajar di Governemnt Lay School mengikut Etnik	48
Jadual 3.2 Jadual Bilangan Sekolah-Sekolah Mengikut Jenis 1930 & 1938	53
Jadual 4.1 Jadual Celik Huruf dalam Kalangan Penduduk Peribumi, 1947	95

## SENARAI GAMBAR

	<b>MUKA SURAT</b>	
Gambar 3.1	Gereja St. John di Merdang	45
Gambar 3.2	Gereja St. James di Quop	46
Gambar 3.3	Gereja St. Paul Banting	46
Gambar 3.4	Sekolah St. Thomas	49
Gambar 3.5	Sekolah St. Joseph	50
Gambar 3.6	Rev. Francis Thomas McDougall	56
Gambar 3.7	Rev. Walter Chambers	56
Gambar 3.8	Father Aloysius Goossens	57
Gambar 3.9	Father Edmund Dunn	59
Gambar 3.10	Rev. James Matthew Hoover dan Mary Hoover	61
Gambar 3.11	Alan Belcher (Pendeta Meripa) & Madge Hill (Pedeta Ganit)	64



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

BEM	Borneo Evangelical Mission
B.C.M	Borneo Church Mission
B.M.A	British Ministry Administration
Fr.	Father
GLS	Government Lay School
PDA	Persatuan Dayak Sarawak
PKMS	Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak
Rev.	Reverend
SDA	Sarawak Dayak Association
SDA	Seventh Day Adventist
S.P.G	Society for the Propagation of the Gospel
US	Utusan Sarawak



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Sarawak merupakan tempat subur bagi perkembangan Kristian, terutama di kalangan bumiputera, dan sebahagian besar daripada masyarakat tempatan menjadi pengikut agama Kristian. Perkara ini disebabkan pemikiran penduduk dan cara hidup penduduk Sarawak sudah bersebuti dan terpengaruh dengan ajaran yang dipopularkan oleh agama Kristian. Hal seperti ini menjadi perkara biasa dalam budaya pagan yang mengamalkan kepercayaan animisme, dan kepercayaan tersebut meluas dalam kalangan masyarakat tempatan. Keadaan ini menjadi satu kelompangan dari segi agama moden dan ia menjadi gelanggang baharu kepada agama Kristian untuk bertapak dan menyebarkan dakwah di kalangan pribumi yang masih belum beragama.<sup>1</sup> Keadaan ini berikutan dengan kemasukan kolonialisme dan imperialisme Barat ke negeri ini, yang bukan sahaja untuk tujuan ekonomi dan politik semata-mata tetapi juga mempunyai agenda tersembunyi berkaitan dengan penyebaran agama Kristian. Keadaan yang sedemikian dapat diperhatikan dengan jelas apa yang berlaku di Sarawak di bawah pemerintahan kerajaan Brooke. Brooke menggunakan pelbagai pendekatan yang pada umumnya berselindung di sebalik aktiviti atau kebajikan sosial dan pembangunan minda.<sup>2</sup> James Brooke ketika datang ke Sarawak telah membawa paderi Kristian datang bersamanya ke Sarawak. Kumpulan pertama mubaligh dari gereja Anglikan England yang datang ke Sarawak dalam tahun 1848. Ini diikuti oleh penginjilan *Borneo Church Mission* (B.C.M.), mubaligh-mubaligh dari Roman Katolik, gereja Methodist dari Amerika, Seventh Day Adventist dan Borneo

---

<sup>1</sup> Mat Zin Mat Kib, *Kristian di Sabah 1881 – 1994*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 54. Lihat Juga Halmi, S.N., & Arifin, K., The Impact of the Development of Missionary School Education in Kuching, 1848-1963, *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol. 12(2), 2020, hlm. 33.

<sup>2</sup> Zainab Ismail, *et. al.*, Cabaran Ulama Borneo dalam Penyebaran Agama Islam di Sarawak, *Borneo Research Journal*, Vol. 3, 2009, hlm. 178.

Evangelical Mission dari Australia (BEM). Welney mengatakan pada ketika itu kumpulan mubaligh ini merupakan alat kerajaan Brooke untuk menjinakkan dan mengubah pegangan dan kepercayaan tradisional di kalangan masyarakat Sarawak (kepada agama Kristian).<sup>3</sup>

Kerajaan Brooke dengan kerjasama badan-badan mubaligh Kristian mula bergiat secara lebih aktif dan agresif mengembangkan agama Kristian kepada penduduk tempatan. Dengan bantuan dan persetujuan kerajaan Brooke pertubuhan Kristian ini telah mendirikan gereja dan sekolah kepada penduduk Sarawak. Brooke juga telah menentukan tempat-tempat tertentu untuk setiap kumpulan mubaligh menjalankan *mission* dalam proses Kristianisasinya.<sup>4</sup> Tujuan asal *mission* untuk mengkristiankan masyarakat tempatan Sarawak dan telah meletakkan batu asas kepada sebuah sistem pendidikan ala Barat. Pelbagai pertubuhan mubaligh memulakan kegiatan mereka di Sarawak ketika zaman pemerintahan Brooke menggunakan sekolah mereka untuk menyemai agama Kristian.<sup>5</sup> Bersandarkan kepada perkara tersebut, maka kajian ini membahaskan tentang proses Kristianisasi di Sarawak melalui pendidikan yang dijalankan semasa pentadbiran dinasti Brooke.

## 1.2 Permasalahan Kajian

*Glory* (politik), *Gospel* (agama), and *Gold* (ekonomi) atau dikenali 3G adalah konsep atau ideologi yang bersesuaian dengan pemerintahan era dinasti Brooke. Penjajahan oleh dinasti Brooke bukan sahaja untuk mengaut kekayaan sumber ekonomi serta meluaskan wilayah kekuasaan politik semata-mata, malah bermatlamat untuk menyediakan tapak bagi para missionari Kristian mereka. Pemerintah yang pertama iaitu James Brooke mengamalkan dasar bebas, tidak mengganggu adat istiadat bumiputera. Namun demikian, dasar yang dikemukakan seolah-olah bercanggah

---

<sup>3</sup> Zainab Ismail *et. al.*, *Op. Cit.*, hlm 179.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm., 180.

<sup>5</sup> Ho Hui Ling, Pembangunan Sosial di Negeri Sarawak pada Zaman Pentadbiran Kolonial British, 1946-1963, *UM eJurnal: Sarjana*, Vol. 24(2), 2009, hlm.88

dengan tindakan Brooke kepada kaum bumiputera Sarawak.<sup>6</sup> Pemerintah Brooke melanggar dasar dan mencampuri urusan tradisi dan adat istiadat bumiputera. Pemerintah Brooke menggalakan dan menyokong penubuhan sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh badan mubaligh Kristian. Beliau yakin bumiputera Sarawak yang bukan Islam dapat ditamadunkan menerusi perkembangan agama Kristian. James Brooke mendorong kemasukan kumpulan missionari mengkristiankan orang Melayu dan juga menegakkan agama Kristian di kalangan bumiputera Sarawak menerusi pertubuhan Kristian. Usaha awal yang dilakukan adalah dengan membawa Melayu Kristian dari Singapura bagi menyebarkan ajaran agama itu di kalangan umat Islam di Sarawak. Situasi ini bercanggah dengan pernyataan bahawa James Brooke sentiasa ingat akan ikrarnya tidak akan mencampuri dan mengganggu adat dan agama orang tempatan terutama yang beragama Islam.<sup>7</sup>

Kedatangan agama Kristian ke Sarawak dikaitkan dengan nama Francis. T. McDougall yang tiba di Kuching pada tahun 1848 yang dibawa oleh James Brooke. Beliau bermazhab Anglikan, kemudian menjadi Bishop. Selain mazhab Anglikan, mazhab Roman Katolik juga telah tiba di Sarawak pada tahun 1881. Pada tahun 1900, gereja mazhab Methodist telah sampai ke Sibu, kemudiannya Seventh Day Adventist dan terakhir ialah Borneo Evangelical Mission.<sup>8</sup> Pendidikan dan pelajaran adalah antara alat yang terpenting dalam menyebarkan agama Kristian. Mubaligh Kristian mengharapkan agama Kristian akan dapat disebarkan melalui pendidikan. Keterbukaan pemerintah Brooke yang membolehkan mubaligh membuka pusat pendidikan awal tanpa sebarang peraturan atau sekatan. Keadaan ini menyebabkan sekolah-sekolah berkembang dengan sendirinya tanpa panduan menuju ke arah yang tertentu. Setiap mazhab Kristian menubuhkan sekolah mubaligh yang

---

<sup>6</sup> Sabihah Osman, Rejim Brooke: Kesan Pelajaran kepada Bumiputera, *AKADEMIKA*, Vol. 16, 1980, hlm. 58.

<sup>7</sup> Wan Kamal Mujani & Noranizah Yusuf, Islam dan Missonari di Sarawak: Kesan terhadap Pendidikan pada Zaman Crown Colony, 1841-1941, *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol. 3(2), 2010, hlm. 231.

<sup>8</sup> Hashim Fauzy Yaacob, *Kedudukan Orang Melayu Sarawak di bawah Penjajahan British, 1946-1963*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014, hlm. 32-33.



berorientasikan Kristianisasi serta bersifat sekular yang mampu memberi ancaman kepada akidah terutama pelajar Melayu.<sup>9</sup>

Penubuhan sekolah-sekolah mubaligh yang mengikis kefahaman animisme orang-orang Dayak dan mentamadunkan menerusi agama Kristian. Pendidikan Barat ditambah dengan Kristianisasi sudah pasti akan mengakibatkan hilangnya identiti budaya mereka dan pengasingan daripada komuniti mereka.<sup>10</sup> Brooke memberi galakan dan menyokong penubuhan sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh badan dakwah Kristian, iaitu mazhab Anglikan dan Katolik.<sup>11</sup> Apabila kristianisasi dalam pendidikan ini berjaya dan masyarakat tempatan majoriti memeluk agama Kristian, keadaan ini sememangnya akan timbul reaksi daripada masyarakat tempatan Sarawak untuk mempertahankan jati diri dan agama mereka. Hal ini demikian kerana, keadaan ini akan menjadi ancaman dan tekanan kepada masyarakat tempatan Sarawak yang mempunyai pegangan agama dan kepercayaan tetap sebelum kedatangan agama Kristian. Bersandarkan kepada geneologi penyebaran Kristian di Sarawak sehingga membawa kepada terbentuknya populasi dominan masyarakat Kristian telah melahirkan beberapa persoalan antaranya:

- I. Bagaimanakah gerakan Kristianisasi dijalankan oleh dinasti Brooke di Sarawak?
- II. Bagaimanakah Sekolah mubaligh mengikut mazhab berkembang di Sarawak?
- III. Matlamat gerakan Kristianisasi dijalankan di Sarawak dan Bagaimana pula dengan reaksi masyarakatnya?

---

<sup>9</sup> Halmi, S. N. & Arifin, K., Kesan Perkembangan Pendidikan Sekolah Mubaligh di Kuching, 1848-1963, *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol. 12(2), 2020, hlm. 34.

<sup>10</sup> Ooi Keat Gin, Sarawak Malay Attitudes Towards Education during the Period of Brooke Rule, 1841-1946, *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 21(2), 1990, hlm. 348.

<sup>11</sup> Halmi, N.S & Arifin, *Op. Cit.*, hlm. 35.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini secara khusus mengkaji proses Kristianisasi di Sarawak melalui pendidikan yang dijalankan semasa pentadbiran dinasti Brooke. Sehubungan dengan itu, kajian ini menetapkan tiga objektif yang ingin dicapai seperti berikut:

- I. Menelusuri gerakan Kristianisasi dijalankan oleh dinasti Brooke di Sarawak.
- II. Menjelaskan sekolah mubaligh mengikut mazhab berkembang di Sarawak.
- III. Membahaskan matlamat gerakan Kristianisasi dan reaksi masyarakatnya.

### **1.4 Sorotan Literatur**

Sorotan literatur ialah ringkasan komprehensif penyelidikan terdahulu mengenai sesuatu topik. Sorotan literatur meninjau artikel ilmiah, buku, dan sumber lain yang berkaitan dengan bidang penyelidikan tertentu. Sorotan literatur memberikan asas teori untuk penyelidikan dan membantu pengkaji menentukan sifat penyelidikan. Sorotan literatur ini akan menjadi panduan asas kepada pengkaji untuk menjalankan kajian selanjutnya. Dalam kajian ini, sorotan literatur dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu:

#### **Tema 1: Gerakan Kristianisasi Dijalankan Oleh Dinasti Brooke Di Sarawak.**

Sabihah Osman dalam penulisannya *Rejim Brooke: Kesan Pelajaran kepada Masyarakat Bumiputera* menyentuh berkenaan pemerintah Brooke menggalakkan dan menyokong penubuhan sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh badan dakwah Kristian. Dalam penulisan ini penulis hanya menekankan usaha mazhab Anglikan, menubuhkan sekolah-sekolah dipercayai mampu mengikis fahaman animisma orang-orang Dayak seperti pemujaan semangat, roh, dan hantu. kerajaan akan menyerahkan soal pelajaran mereka kepada mubaligh-mubaligh Kristian dan

menggalakkan mubaligh “mentamadunkan” masyarakat Dayak melalui penyebaran agama Kristian. Namun demikian, usaha dakwah Kristian bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Dayak tetapi dalam kalangan masyarakat Melayu. Padri McDougall yang cuba membuka kelas-kelas untuk anak-anak Melayu. Usaha-usaha itu telah menjadi satu cabaran pula kepada orang-orang Melayu.<sup>12</sup>

Seterusnya, dalam artikel Islam dan Missionari di Sarawak: Kesan terhadap pendidikan pada Zaman Crown Colony, 1841-1941 banyak membincangkan mengenai gerakan missionari di Sarawak. Kecenderungan pemerintah-pemerintah Brooke terhadap gerakan missionari di Sarawak mengundang kemasukan pelbagai mazhab Kristian. Antara mazhab Kristian yang berkembang pada zaman pemerintahan Brooke ialah Anglikan, Roman Katolik, Methodist, Seventh Day Adventist dan Borneo Evangelical Mission. Namun demikian, penulis tidak melengkapkan penjelasan berkenaan mazhab Kristian diundang secara berperingkat oleh James Brooke (1841-1868), Charles Brooke (1868-1917) dan Charles Vyner Brooke (1917-1941). Selain itu, penulis juga tidak menerangkan bahawa setiap Mazhab ditugaskan untuk menyebarkan agama Kristian di lima Bahagian Sarawak iaitu Bahagian-bahagian Pertama, kedua, Ketiga, Keempat dan Kelima. namun demikian, penulis mengungkapkan Brooke secara perlahan-lahan mencampuri urusan agama Islam melalui pembentukan undang-undang yang berkaitan dengan masyarakat Islam. Aktiviti-aktiviti Missionari juga semakin berkembang di Sarawak berikutan sokongan dan pembiayaan kewangan yang diberikan oleh pihak berkuasa ketika itu. Faktor utama yang mendorong James Brooke untuk menggalakkan kemasukan kumpulan Missionari ke Sarawak adalah berkait rapat dengan agenda beliau untuk memantapkan pengaruh politiknya. Dengan itu, muncullah sama ada sekolah-sekolah agama dengan gabungan ilmu-ilmu sekular kerana kehendak dan keperluan semasa<sup>13</sup>

---

<sup>12</sup> Sabihah Osman. 1980. Rejim Brooke: Kesan Pelajaran kepada Masyarakat Bumiputera. *AKADEMIKA*, Vol. 16, 57 – 75.

<sup>13</sup> Wan Kamal Mujani & Noranizah Yusuf. 2010. Islam dan Missionari di Sarawak: Kesan Terhadap Pendidikan pada Zaman Crown Colony, 1841-1941. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Vol. 3(2), 219 – 242.

Awg Kasmurie bin Awg Kitot dalam kajiannya yang bertajuk Peranan Abang Yusuf dalam Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak, (1970-2009) juga ada membincangkan berkenaan sekolah-sekolah Mubaligh. Secara keseluruhannya, kajian terperinci ini membuka peranan Abang Yusuf Puteh terhadap pembangunan masyarakat Melayu Sarawak dalam aspek politik (kepimpinan), ekonomi (kemiskinan) dan sosial (isu pendidikan dan amalan agama). Abang Yusuf Puteh menganggap empat aspek itu sebagai isu yang melambatkan pembangunan masyarakat Melayu Sarawak khususnya masyarakat Melayu di kawasan pesisir pantai. Dalam kajian ini juga ada menyentuh sekolah-sekolah yang dibuka oleh *Society for the Propagation of the Gospel (SPG)* dengan bantuan dan sokongan kewangan daripada kerajaan Brooke pada tahun 1847. Walau bagaimanapun, sekolah di bawah kendalian Mubaligh Kristian ini menerima semua kaum untuk mengikuti persekolahannya. Penulis mengatakan bahawa sekolah-sekolah mubaligh yang dibuka bukan sahaja untuk memberikan pendidikan kepada masyarakat tetapi lebih bertujuan untuk menyebarkan ajaran Kristian. Namun demikian, penulisan ini hanya mengutamakan dan menekankan mubaligh Kristian dari gereja mazhab Anglikan yang dibawa masuk ketika pemerintahan James Brooke dan seterusnya diikuti dari mazhab Katolik ke Sarawak semasa pemerintahan Charles Brooke.<sup>14</sup>

## **Tema 2 : Sekolah Mubaligh Mengikut Mazhab Berkembang Di Sarawak**

Sabihah Osman dalam penulisannya iaitu Pemerintahan Brooke dan Pelajaran Bumiputera di Sarawak lebih menyentuh sistem pendidikan bumiputera terutama zaman pemerintahan Charles Brooke (1868-1917). Antaranya, dasar Charles Brooke mengatakan bahawa pendidikan tidak perlu diberi kepada bumiputera kerana ini akan merosakkan sistem tradisi dan adat istiadat mereka. Dalam penulisan ini juga, Sabihah Osman menyentuh berkenaan pendidikan bumiputera bukan Melayu pula ditampung oleh sekolah-sekolah *mission*. Namun demikian, penulis hanya mengatakan secara umum, penubuhan sekolah-sekolah mubaligh yang hanya

---

<sup>14</sup> Awg Kasmurie bin Awg Kitot. 2017. *Peranan Abang Yusuf dalam Pembangunan Masyarakat Melayu Sarawak 1971-2009*. (PhD Thesis) University of Malaya.

ditubuhkan oleh Anglikan S.P.G yang terdapat di Bahagian Kedua dan Roman Katolik pula di Bahagian Ketiga dan di Kuching. Penulis juga hanya memberi penekanan terhadap sekolah mubaligh yang didirikan di bandar Kuching dan Sibu seperti Sekolah St. Thomas, St. Mary, St. Joseph di Kuching dan Sekolah Methodist di Sibu. Berdasarkan penulisan tersebut, penulis kurang menitikberatkan sekolah mubaligh yang ditubuhkan di bahagian pedalaman dan tidak memberi huraian jelas berkenaan sekolah-sekolah mubaligh yang disenaraikan dalam penulisan mengikut mazhabnya sendiri.<sup>15</sup>

Selanjutnya ialah Ooi Keat Gin dalam penulisannya *Chinese Vernacular in Sarawak Education during Brooke Rule, 1841-1946* membincangkan sikap *laissez-faire* kerajaan Brooke terhadap pendidikan orang Cina telah menyebabkan kemunculan suatu sistem bebas dalam pendidikan vernakular Cina. Sekolah Cina yang bebas ini banyak mencontohi sistem pendidikan dan pembangunan pendidikan di Tanah Besar China. Di samping itu, dalam artikel ini memperlihatkan perkembangan sekolah mubaligh terutama di kawasan pekan atau bandar. hal ini demikian kerana, orang Cina dibahagikan sikap mereka terhadap pendidikan. Bagi mereka yang memandang tinggi dan budaya Cina akan bersekolah di Sekolah Vernakular Cina. Tetapi untuk tujuan praktikal akan bersekolah di sekolah mubaligh aliran Inggeris. Namun demikian, artikel ini hanya memberikan perkembangan sekolah mubaligh Anglikan dan Methodist sahaja yang didominasi oleh kaum Cina. Pada tahun 1870, mubaligh Anglikan membuka sebuah sekolah vernakular Cina di Pekan Kuching untuk anak-anak Cina. Di samping itu, penulis juga membincangkan sekolah-sekolah yang ditubuhkan oleh Methodist kaum Cina keturunan Foochow. Mazhab Methodist mendirikan sekolah-sekolah Foochow di Bahagian Ketiga di pekan Sibu. Sekolah Methodist ini merupakan satu contoh sekolah Cina yang luar biasa dan pembukaannya merupakan inspirasi daripada pihak mubaligh Methodist.<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> Sabihah Osman. 1971/72. Pemerintahan Brooke dan Pelajaran Bumiputera di Sarawak. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. Vol. 1, 65 – 74.

<sup>16</sup> Ooi Keat Gin. 1994. Chinese Vernacular in Sarawak Education during Brooke Rule, 1841-1946. *Modern Asian Studies*. Vol. 28(3), 503 – 531.

Perkembangan sekolah di Sarawak dapat dilihat dalam karya Ho Hui Ling dalam penulisan yang bertajuk Pembangunan Sosial di Negeri Sarawak pada zaman Pentadbiran Kolonial British, 1946-1963. Dalam artikel ini, beliau menyimpulkan terdapat banyak perubahan dan pembangunan sosial yang berlaku di negeri sarawak semasa zaman pentadbiran kolonial British. Beliau menyentuh soal pendidikan bahawa pendidikan di negeri Sarawak telah kembali menampakkan peningkatan selepas era penaklukan Jepun mengatakan bahawa impak daripada usaha mubaligh telah membawa kepada perkembangan pendidikan bukan sahaja di kawasan bandar tetapi juga luar bandar di negeri Sarawak. Dapat dilihat peningkatan dalam bilangan sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Sarawak selepas perang. Peningkatan bilangan sekolah adalah hasil usaha pihak mubaligh dalam kegiatan menyebarkan ajaran Kristian sambil menjaga kebajikan penduduk Sarawak. Sehingga hari ini, bekas sekolah mubaligh masih digunakan walaupun pengurusan sekolah telah diambil alih oleh kerajaan Sarawak.<sup>17</sup>

Ong Puay Liu, *et. al.*, dalam penulisan *The making of Malaysian solidarity: A historical at education and social cohesion in Sarawak* membincangkan polisi dan dasar pendidikan Brooke terhadap orang Melayu, orang bumiputera bukan Melayu dan juga orang Cina. Brookes menganggap Melayu sebagai 'bangsa yang memerintah' dan mengiktiraf keperluan untuk Melayu dididik dalam bahasa mereka sendiri. Di samping itu, Pendidikan dianggap sebagai instrumen untuk memperbaiki keadaan hidup orang Melayu dalam pekerjaan tradisional mereka. Manakala, Orang bumiputera bukan Melayu menerima pendidikan yang diberikan oleh mubaligh. Bagi para mubaligh, ini adalah peluang yang baik untuk menyebarkan Injil mereka melalui. pentadbiran Brooke tidak mempunyai dasar yang jelas terhadap pendidikan Cina. Ia adalah satu sikap acuh tak acuh kerana Brookes menyerahkan kepada orang Cina untuk menjaga keperluan pendidikan mereka. Dalam artikel ini hanya lebih

---

<sup>17</sup> Ho Hui Ling. 2009. Pembangunan Sosial di Negeri Sarawak pada zaman Pentadbiran Kolonial British, 1946-1963. *UM eJurnal: Sarjana*, Vol. 24(2), 82 – 104.

menyentuh kepada dasar dan tidak membincangkan sekolah-sekolah yang wujud ketika dasar itu diperkenalkan semasa pemerintahan Brooke.<sup>18</sup>

### **Tema 3 : Matlamat Gerakan Kristianisasi Dijalankan Di Sarawak Dan Reaksi Masyarakatnya.**

*Sarawak Malay Attitudes Towards Education during the Period of Brooke Rule, 1841-1946* yang ditulis oleh Ooi Keat Gin membincangkan dasar pendidikan terhadap bagi orang Melayu adalah bertujuan memelihara kebudayaan mereka dan memperbaiki punca pencarian sara diri tradisional mereka. Dalam artikel ini juga memperlihatkan percubaan awal untuk pendidikan formal oleh orang Melayu gagal yang dikendalikan oleh mubaligh Anglikan yang menemui kegagalan untuk menarik minat orang Melayu. Dalam artikel ini, penulis mengatakan bahawa terdapat tiga percubaan berturut-turut untuk membuka sekolah Harian Melayu di Kuching di bawah pengurusan missionari tidak berjaya. Sekolah Hari Melayu untuk pelajar lelaki, yang ditubuhkan pada tahun 1848 oleh Missionari Anglikan di bawah kendalian pendeta W.B. Wright, bersama-sama dengan Pendeta Francis Thomas McDougall tiba di Sarawak pada Jun 1848 sebagai salah seorang pendeta Anglikan pertama di Sarawak. Tindakan McDougall dan W.B. Wright menunjukkan mereka berusaha gigih mempengaruhi pelajar Melayu dengan ajaran agama Kristian.<sup>19</sup>

Nordi Achie dalam penulisannya *Kemunduran Pendidikan Masyarakat Melayu di Sarawak pada awal Pemerintahan Koloni British 1946-1950: Satu Tinjauan dari Perspektif Utusan Sarawak* membincangkan keprihatinan Utusan Sarawak *US* terhadap masalah dan masa depan pendidikan orang Melayu yang tidak terbela. Dalam artikel ini, penulis menyelitkan dasar Brooke yang mahukan bumiputera tinggal dalam keadaan tradisional dengan mengamalkan budaya masing-masing. Di

---

<sup>18</sup> Ong Puay Liu, *et. al.*, 2014. The making of Malaysian solidarity: A historical look at education and social cohesion in Sarawak, *GEOGRAFIA: Malaysian Journal of Society and Space*, Vol. 10, 36 – 48.

<sup>19</sup> Ooi Keat Gin. 1990. Sarawak Malay Attitudes Towards Education during the Period of Brooke Rule, 1841-1946, *Journal of Southeast Asian Studies*. Vol. 21(2), 340 – 359.

samping itu, penulis menyatakan reaksi masyarakat Melayu terhadap sekolah mubaligh (aliran Inggeris) melihat kepada bilangan pelajarnya. Sambutan daripada masyarakat Melayu terhadap sekolah mubaligh juga kurang memuaskan. Pada tahun 1936, terdapat 47 buah sekolah mubaligh di Sarawak. Nordi Achie mengatakan bahawa daripada jumlah 3042 pelajar di sekolah mubaligh yang berdaftar pada 1936, hanya 1056 orang pelajar bumiputera. Bilangan pelajar Melayu hanya 241 orang sahaja berbanding pelajar Cina seramai 1823. Sehingga akhir tempoh pemerintahan Brooke (1841-1946), taraf pendidikan bumiputera masih mundur. Keadaan ini mengheret akhbar Utusan Sarawak *US* mengkritik dasar Brooke yang tidak bersungguh-sungguh memajukan pendidikan orang Melayu. Ketika British melaungkan jasa mereka terhadap pendidikan anak negeri, British tidak pula berusaha memberi pendidikan yang lebih tinggi kepada mereka. Kemunduran (merangkumi aspek masalah dan masa depan) pendidikan Melayu khususnya dan bumiputera umumnya yang masih tidak terbela sepenuhnya pada zaman pemerintahan kolonial British, berakar umbi sejak zaman Brooke lagi.<sup>20</sup>

Selain itu, soal sekolah yang dikendalikan mubaligh Kristian diulas oleh sarjana Najihah binti Abdul Mutalib dalam penulisan Pencapaian Masyarakat Melayu Sarawak dalam Bidang Pendidikan Sebelum dan Selepas Merdeka. Pencapaian masyarakat Melayu Sarawak dalam bidang pendidikan ketika zaman Brooke kurang membanggakan disebabkan kurang kesedaran terhadap pendidikan. Tambahan pula, usaha-usaha oleh pihak mubaligh Anglikan untuk membuka kelas-kelas atau sekolah harian kepada orang Melayu sekitar tahun 1840-an. Namun begitu, semua usaha ini gagal kerana rasa curiga yang timbul di kalangan ibu bapa terhadap kelas-kelas yang dianjurkan oleh badan-badan Kristian. Di samping itu, penulis juga menulis berkenaan dasar pelajaran untuk kaum bumiputera yang dinamakan *Government Lay School* (GLS). Sekolah ini ditubuhkan oleh kepada kaum Melayu, Cina dan India dan pelajar-pelajar akan ditempatkan berasingan mengikut bangsa dan bahasa. Namun demikian, pendaftaran murid di GLS turun naik. Penulis telah memperincikan

---

<sup>20</sup> Nordi Achie. 2001. Kemunduran Pendidikan Masyarakat Melayu di Sarawak pada awal Pemerintahan Kolonial British 1946-1950: Satu Tinjauan dari Perspektif Utusan Sarawak. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Vol. 29, 8 – 30.